



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL	TAJUK KERJA
1	No. Sebut harga : MPK/JK/PR 176/2016 KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN MASUK KE TANAH PERKUBURAN ISLAM SELAT KLANG, KLANG, KLANG SELATAN.

TARAF SEBUT HARGA & SYARAT-SYARAT PENDFTARAN	LAWATAN TAPAK (TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
<p>BERDAFTAR DENGAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (CIDB) GRED G2 KATEGORI CE & PENGKHUSUSAN CE21 & CE01 & BERDAFTAR DENGAN E-TENDER SELANGOR & UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)</p>	<p>TAKLIMAT (KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN) TAKLIMAT : TARIKH 17/11/2016 (KHAMIS) MASA PENDAFTARAN : 8.00-9.30 pg MASA LAWATAN : 9.30 pg TEMPAT BERKUMPUL : Lobi Utama, Majlis Perbandaran Klang</p> <p>Nota : Dokumen sebut harga hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat sahaja.</p>	<p>MULAI : 18/11/2016 (JUMAAT)</p> <p>Bahagian Ukur Bahan Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan</p> <p>Nota : Penyebut harga di kehendaki membawa Sijil Pendaftaran ASAL & SALINAN : 1) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SSPK) oleh CIDB 2) Perakuan Bumiputera oleh (PKK) 3) Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) 4) Resit pembayaran E-Tender Selangor</p>	<p>TARIKH TUTUP : 25/11/2016 (JUMAAT) WAKTU TUTUP : 12.00 Tengah Hari</p> <p>Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan</p> <p>Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dilayan.</p>

SYARAT-SYARAT :-

- Setiap dokumen Sebut harga dijual dengan harga **RM 40.00** Wang pembayaran tidak akan dikembalikan.
- Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **18 NOVEMBER 2016** di Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan.
- Bayaran untuk pembelian dokumen adalah dalam bentuk Wang tunai.
- Penyebutharga perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum membeli Dokumen Sebut harga. Penyebutharga dikehendaki mengemukakan Resit Bayaran Pendaftaran sebagai bukti Penyebutharga telah berdaftar secara on-line semasa membuat urusan pembelian Dokumen Sebut harga.
- Dokumen Sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga seperti tertera di atas.
- Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- Wakil yang hadir ke taklimat, **SATU** nama mewakili **SATU** syarikat.
- Penyebutharga diwajibkan membawa **COP SYARIKAT** semasa menghadiri lawatan tapak atau taklimat.
- Penyebutharga adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat / lawatan tapak yang akan diadakan pada **17 NOVEMBER 2016** Jam **9.30** pagi di Auditorium Raja Ismail, Majlis Perbandaran Klang. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat.
- Penyebutharga yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak tidak layak untuk menyertai Sebut harga.
- Penyebutharga dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** dan **SALINAN (Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB, Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) dan Resit pembayaran E-Tender Selangor)** semasa pembelian dokumen.
- Penyebutharga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Membuat Sebut harga di dalam Dokumen Sebut harga sebelum mengemukakan Sebut harga. Jika dokumen Sebut harga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
- Dokumen Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
- Tarikh akhir penjualan Dokumen Sebut harga adalah pada **24 NOVEMBER 2016** sebelum jam 4.30 petang. Dokumen Sebut harga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian **03-3375 8014**.